



KENYATAAN MEDIA
YAB PERDANA MENTERI

MESYUARAT KHAS
MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL)
TAHUN 2024

Hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2024 yang turut dihadiri oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan serta Gabenor Bank Negara, selain wakil industri, wakil pengguna, wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik yang merupakan ahli-ahli NACCOL.

Saya tegaskan bahawa Kerajaan perlu terus memberi tumpuan penuh terhadap isu kos sara hidup yang masih membelenggu rakyat meskipun kadar inflasi semakin mereda kepada 1.5% setakat Januari 2024.

Kendatipun bekalan dan harga Beras Putih Tempatan (BPT) dalam pasaran domestik secara umumnya terkawal, saya masih menerima aduan berhubung isu bekalan BPT yang terhad. Rakyat juga terkesan dengan kenaikan harga Beras Putih Import

(BPI) di pasaran global berikutan larangan eksport yang dikenakan oleh negara pengeluar beras. Saya tegaskan betapa campur tangan Kerajaan MADANI pada ketika ini amat kritikal dan perlu diputuskan segera bagi memastikan isu bekalan dan harga makanan ruji utama rakyat ini terus kekal stabil di pasaran.

Saya turut menyinggung kepentingan mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan keberadaan beras di pasaran dan tiada pemborong atau pengilang mengaut keuntungan berlebihan atau bertindak mencampurkan kandungan BPT dan BPI untuk dijual dengan harga yang tinggi.

Mesyuarat turut mendengar penjelasan terperinci terkait cadangan pelaksanaan Beras Putih Malaysia MADANI. Pada masa sama, beberapa wakil industri dan NGO antaranya yang mewakili pesawah dan pengilang turut menyuarakan beberapa cadangan dan pandangan berhubung situasi padi dan beras negara, khususnya bagi memastikan ketersediaan beras pada harga yang munasabah kepada rakyat.

Selepas mendengar dan mengambil kira semua pandangan, mesyuarat mengambil ketetapan agar Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengetuai dan menyelaras sesi libat urus secara lebih terperinci sesegera mungkin. Libat urus ini perlu mengambil kira harga belian padi, faktor bekalan,

harga beras import dunia, kemampuan bekalan beras tempatan serta kesan kepada pengguna. Saya turut mengarahkan supaya hasil libat urus ini dibentang dan dimuktamadkan dalam Mesyuarat NACCOL pada 20 Mac 2024 sebelum diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Dalam tempoh itu, saya mengarahkan agar program jualan murah termasuk Jualan Rahmah, Jualan Agro Madani dan lain-lain diperbanyakkan supaya rakyat dapat membeli barangan keperluan harian, termasuk beras pada harga lebih rendah berbanding pasaran. Jadual pelaksanaan jualan-jualan murah ini akan dihebahkan secara kerap.

Pada masa sama, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) juga bersetuju untuk mempertimbangkan semula penawaran harga BPI dalam pasaran domestik supaya BPI boleh dijual pada harga lebih rendah, sekali gus mewujudkan alternatif kepada rakyat untuk mendapatkan beras dengan harga yang lebih berpatutan.

ANWAR IBRAHIM

23 Februari 2024